



SEKTOR PENDIDIKAN (PKP)

Dikemaskini pada 31 Mei 2021

Merangkumi

- Pengoperasian prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, Kolej Vokasional, Kolej Tingkatan Enam, institusi pendidikan di bawah KPM dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM.
- Kehadiran murid / pelajar, guru / pensyarah dan warga institusi pendidikan.
- Pengajaran dan pembelajaran.

Arahan Tetap

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang
- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia.

Waktu Beroperasi:	Berdasarkan arahan semasa yang berkuatkuasa	Waktu Kehadiran:	Berdasarkan arahan semasa yang berkuatkuasa	Kapasiti Pekerja:	Berdasarkan arahan semasa yang berkuatkuasa
-------------------	---	------------------	---	-------------------	---

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none">• Semua sekolah dan institusi pendidikan bawah KPM, institusi pendidikan swasta kategori sekolah dan pusat seperti pusat tuisyen, pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat bimbingan dan lain-lain yang berdaftar bawah KPM DITUTUP bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021.• Hanya murid sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang terlibat dengan peperiksaan antarabangsa DIBENARKAN hadir untuk menduduki peperiksaan mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa.
Tabika, Taska dan Tadika	<ul style="list-style-type: none">• Tabika, taska, tadika swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI kecuali untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan barisan petugas hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu.